



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PENGAGIHAN BANTUAN KEPERLUAN MAKANAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19

PUTRAJAYA, 17 APRIL 2020 - Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk mengagihkan bantuan bakul makanan kepada rakyat yang terkesan.

Permohonan yang diterima oleh JKM adalah daripada pelbagai sumber dan telah ditambah baik dari semasa ke semasa berasaskan aduan yang diterima oleh Bilik Gerakan dan juga rujukan daripada pihak pemimpin masyarakat. Sehingga kenyataan akhbar ini ditulis, JKM telah mengagihkan bantuan keperluan makanan yang melibatkan seramai 279,223 penerima dan dianggarkan bantuan ini telah memberi manfaat kepada 1,116,892 isi rumah.

Bantuan ini merentasi semua daerah dan negeri termasuk kawasan-kawasan yang didakwa telah dianaktirikan. Antaranya di daerah Manjung, Kapit, Machang, Simpang Renggam, Port Dickson, Seremban, Tampin dan lain-lain.

JKM mempunyai rekod senarai penerima semua bantuan yang telah diagihkan dan akan terus memantau senarai penerima berdasarkan aduan dan rujukan serta sekaligus bertanggungjawab melaporkan rekod keseluruhan senarai penerima termasuk alamat mereka kepada agensi pusat.

Semua pihak termasuk Ahli Parlimen dialu-alukan mengemukakan aduan dan rujukan sekiranya dikenalpasti terdapat pihak yang memerlukan bantuan, khususnya mereka yang terputus pendapatan harian sepanjang tempoh PKP serta belum pernah menerima sebarang bantuan. Aduan boleh dikemukakan ke Bilik Gerakan di talian 03-83231996.

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Kebajikan Masyarakat

Aras 6, No 55 Persiaran Perdana

Presint 4, 62100 Putrajaya.